

ISU DAN CABARAN GURU DALAM PENDIDIKAN AL-QURAN PELAJAR BERMASALAH PENGLIHATAN

Hajarul Bahti binti Zakaria

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Keningau, Sabah
hajarulbahti@yahoo.com.my

Mohd Huzairi bin Awang @ Husain

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Keningau, Sabah
ulya_mashkuri@yahoo.co.uk

Bani Hidayat bin Mohd Shafie

SMK Slim, Slim River
bani_3738@yahoo.com

Nor Hayati Fatmi binti Talib

Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang
yati_6709@yahoo.com

Nabiroh binti Kassim

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
nabirohk@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan meningkatkan kualiti guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Kertas ini lebih tertumpu kepada apa yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran di program pendidikan khas. Perbincangan adalah dari segi isu, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran dan membantu pelajar berkeperluan khas (masalah penglihatan) menguasai bacaan al-Quran yang terdapat dalam komponen mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM). Huraian berkaitan faktor penyumbang terhadap masalah yang dihadapi oleh para guru diperjelas, dan beberapa cadangan diutarakan bagi mengatasi situasi tersebut. Ini diharap dapat menimbulkan kesedaran dan membuka mata semua pihak khususnya yang bertanggungjawab dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan guru serta kualiti pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di program pendidikan khas, seterusnya memperbaiki tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar berkeperluan khas masalah penglihatan di Malaysia.

Kata kunci: pembelajaran Al Qur'an, pelajar bermasalah penglihatan

Pendahuluan

Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan tentang isu-isu yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran terhadap pelajar-pelajar berkeperluan khas seterusnya bermatlamat meningkatkan kualiti guru dalam pengajaran Tilawah al-

Quran terhadap pelajar-pelajar tersebut. Kertas ini lebih tertumpu kepada apa yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran di program pendidikan khas. Perbincangan adalah dari segi isu, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran dan membantu pelajar berkeperluan khas (masalah penglihatan) menguasai bacaan al-Quran yang terdapat dalam komponen mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran pelajar-pelajar berkeperluan khas masalah penglihatan di sekolah menengah pendidikan khas.

Kurikulum Pendidikan al-Quran dalam Pendidikan Khas di Malaysia

Asas utama dalam Islam, ialah menguasai bacaan al-Quran. Penurunan ayat al-Quran adalah untuk dibaca. Membaca al-Quran dengan betul dari segi tajwid dan *makhrajnya* supaya tidak terpesong pengertiannya menjadi tuntutan agama ke atas orang Islam kerana membaca al-Quran dapat membentuk akidah dan akhlak individu (Mohd Ali, 1991). Tujuannya untuk beribadah, akan diberi pahala oleh Allah kepada pembacanya jika dibaca dengan sebutan yang betul dan mengikut kaedah bacaan dan mengikut tajwid, bukan sekadar untuk dihayati sahaja. Ibadah dalam solat juga perlu kepada pembacaan yang betul dan tepat, tidak boleh diterjemah. Membaca al-Quran penting untuk menentukan ibadah yang dilakukan sah atau tidak (Abdul Halim El-Muhammady, 1991). Dengan sebab itu, maka menjadi kewajipan setiap Muslim berusaha bersungguh-sungguh agar dapat membaca al-Quran dengan baik bagi memastikan ibadah dapat dilaksanakan dengan sesempurna mungkin.

Pendidikan al-Quran lebih luas dan lebih mendalam daripada semua falsafah yang dibina, kerana al-Quran kitab Allah dan *dustur ummah*, mendidik manusia untuk menjadi seorang warganegara yang baik atau pekerja yang mahir, dedikasi serta amanah supaya bekerja bersungguh-sungguh kerana Allah (Mohd Yusuf, 2000). Ia juga mendidik supaya kenal Tuhannya, kenal pencipta dirinya dan alam ini supaya terlepas daripada godaan syaitan dan neraka. Sebaliknya menunjukkan jalan supaya mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat. Menurut Kurshid Ahmad (1974), pendidikan menurut pandangan Islam mestilah dapat melahirkan manusia yang mempunyai pendirian serta keyakinan yang kukuh terhadap idealisme Islam (Abdul Rahman & Zakaria, 2001) dan dapat mengimbangi di antara tuntutan dunia dan akhirat (Ghazali, 1982).

Pendidikan Islam adalah mata pelajaran wajib bagi semua pelajar Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia, termasuklah pelajar-pelajar berkeperluan khas. Pendidikan Islam dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) merupakan kesinambungan daripada Pendidikan Islam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Dalam Pendidikan Islam KBSR, penumpuan diberikan kepada kebolehan membaca al-Quran dan menanamkan asas-asas Fardu ‘Ain dan cara hidup Islam. Manakala Pendidikan Islam KBSM pula memberi tumpuan dan penekanan yang sepenuhnya kepada kebolehan membaca dan memahami ayat-ayat al-Quran, pengukuhan akidah Islamiah, ibadah dan cara hidup Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Tilawah al-Quran adalah salah satu komponen yang terkandung dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah, iaitu dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran. Ia menumpukan kepada tiga perkara berikut iaitu, pertama membaca ayat-ayat al-Quran mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih, kedua mempelajari dan

memahami ayat-ayat al-Quran yang telah dikategorikan sebagai ayat kefahaman dan ketiga menghafaz ayat-ayat al-Quran yang terpilih mengikut hukum-hukum tajwid yang betul dan fasih. Objektif pelajaran Tilawah al-Quran KBSM ialah melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafal al-Quran dengan baik dan fasih, melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafal al-Quran di sekolah dan juga di luar sekolah, melahirkan pelajar yang terdidik dengan didikan al-Quran, dan melahirkan pelajar yang sentiasa menghayati al-Quran dalam kehidupan individu dan jamaah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Justeru Kementerian Pelajaran Malaysia sewaktu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan pada tahun 1988 telah meletakkan kemahiran membaca al-Quran sebagai komponen penting yang perlu dikuasai oleh para pelajar dalam sukanata mata pelajaran Pendidikan Islam (Mohd Yusuf, 2000). Selari dengan golongan pelajar dalam arus perdana, pelajar pendidikan khas di sekolah rendah dan menengah yang mengikuti kurikulum kebangsaan juga mempunyai ruang dan peluang yang sama dengan pelajar lain untuk mengikuti peperiksaan awam, melanjutkan pelajaran serta terlibat dengan pelbagai kemudahan yang disediakan sebagaimana pelajar-pelajar di arus perdana yang lain. Mereka juga terlibat dengan kurikulum dan penilaian yang sama dengan pelajar-pelajar di sekolah biasa termasuk dalam perkara Tilawah al-Quran (Nafishah, 2000, Rosaida, 2003/2004) Program pendidikan khas yang dilaksanakan bagi warga bermasalah penglihatan di negara ini merupakan sebahagian daripada Dasar Pendidikan Kebangsaan, dengan sebab itu pelajar khas tidak terkecuali daripada terlibat dengan kurikulum ini. Ini bermakna hak dan peluang bagi orang cacat penglihatan menyertai sistem pendidikan formal di Malaysia tidak diabaikan (Wong, 2005).

Isu dan Cabaran Guru Pendidikan al-Quran dalam Program Pendidikan Khas di Malaysia

Isu-isu yang wujud dalam pengajaran Pendidikan Islam dalam Program Pendidikan Khas sekolah-sekolah menengah di Malaysia terdiri daripada aspek kelayakan akademik dan ikhtisas guru-guru, pengetahuan tentang ciri-ciri keperluan khas pelajar dan kebolehan serta keyakinan guru menyampaikan isi kandungan Pendidikan Islam kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas (Mohd Mokhtar & Aliza, 2004), serta keperluan kepada infrastruktur yang menyokong pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Mohd Hanafi et. al, 2009).

Guru-guru yang mengajar kanak-kanak berkeperluan khas perlu mempunyai kemahiran mengajar yang sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar mengikut kategori kurang upaya (Wood J.W, 2002). Kanak-kanak yang bermasalah penglihatan menggunakan mesin Braille untuk menulis dan membaca bahan dalam Braille, termasuklah al-Quran dalam tulisan Braille. Oleh itu, guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam untuk pelajar-pelajar buta dan masalah penglihatan yang teruk perlu mempunyai kemahiran menggunakan mesin Braille dan membaca tulisan Braille, khususnya al-Quran Braille (Mohd Mokhtar & Aliza, 2004). Dari aspek pemahaman, pelajar-pelajar bermasalah penglihatan tidak menghadapi masalah kerana mereka berkebolehan memahami konsep abstrak agama menerusi deria pendengaran. Malah ada di antara mereka mampu menghafaz al-Quran dengan hanya mendengar sahaja, berbanding pelajar-pelajar bermasalah pendengaran.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal tentang isu-isu yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam khususnya Tilawah al-Quran dalam Program Pendidikan Khas di Malaysia. Secara lebih khusus, kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan guru tentang isu-isu di bawah.

1. Masalah yang dihadapi oleh guru Tilawah al-Quran di sekolah menengah Pendidikan Khas.
2. Masalah yang dihadapi oleh pelajar masalah penglihatan dalam pembelajaran Tilawah al-Quran.
3. Cadangan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran untuk pelajar-pelajar bermasalah penglihatan di sekolah menengah Pendidikan Khas.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan data. Peserta kajian terdiri daripada 4 orang guru yang mengajar Pendidikan Islam di sekolah menengah Pendidikan Khas.

Dapatan Kajian

Dapatan temubual yang dijalankan mendapat terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran Tilawah al-Quran terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan.

Isu dan cabaran utama yang sering dihadapi oleh guru, terutamanya guru yang baru mula mengajar ialah mereka tidak menguasai kod Braille al-Quran. 3 orang guru yang ditemubual menyatakan bahawa mereka tidak ada asas langsung untuk membaca al-Quran menggunakan al-Quran Braille pada peringkat awal menjadi guru kerana tidak pernah mendapat pendedahan semasa mengikuti latihan perguruan. Dua daripada guru yang terlibat adalah pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab, seorang guru lagi adalah pengkhususan dalam bidang Pendidikan Islam tetapi kesemuanya tidak pernah mengikuti latihan perguruan pengkhususan dalam bidang Pendidikan Khas. Walau bagaimanapun, apabila ditempatkan di sekolah pendidikan khas, mereka terpaksa belajar sendiri bagi memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Seorang guru sahaja pernah mendapat pendedahan atas tentang al-Quran Braille walaupun tidak secara mendalam. Beliau mendapat pendedahan tersebut semasa mengikuti latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Islam – Pendidikan Khas. Hasil temubual mendapat tiga orang guru tidak mengajar Tilawah al-Quran menggunakan al-Quran Braille, hanya seorang guru sahaja yang mengajar menggunakan al-Quran Braille.

Isu dan cabaran kedua yang dapat dikenal pasti dalam pengajaran Tilawah al-Quran pelajar-pelajar khas bermasalah penglihatan ini adalah kekangan masa yang sangat terhad. Guru tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya untuk mengajar Tilawah al-Quran secara khusus, sebaliknya guru lebih tertumpu untuk menghabiskan sukanan pelajaran bagi menghadapi peperiksaan. Penekanan terhadap Tilawah al-Quran agak kurang, penumpuan lebih kepada komponen yang lain. Masa yang diperuntukkan untuk pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar menengah atas adalah sebanyak 3 waktu dengan 1 waktu tambahan. Asuhan Tilawah al-Quran termasuk dalam

3 waktu tersebut sahaja dan terpaksa dibahagikan dengan komponen-komponen yang lain. Ini menyebabkan guru tidak memberi penekanan kepada pengajaran membaca al-Quran sebaliknya penekanan hanya diberikan kepada mengajar tajwid yang termasuk dalam sukatan soalan peperiksaan sahaja atau komponen-komponen Pendidikan Islam yang lain. Ini menyebabkan kemampuan pelajar-pelajar untuk membaca al-Quran dengan baik tidak dapat ditingkatkan kerana hanya tertumpu kepada sukatan peperiksaan sahaja sedangkan ujian bacaan al-Quran tidak dilaksanakan dalam sistem peperiksaan kebangsaan. Perkara yang sama berlaku sebagaimana di sekolah pelajar-pelajar tipikal, iaitu penekanan kurikulum yang masih berorientasikan peperiksaan. Guru-guru Pendidikan Islam perlu menghabiskan sukatan pelajaran mengikut masa yang ditetapkan (Khadijah & Zaib, 2002).

Isu dan cabaran ketiga ialah guru menghadapi masalah untuk mengajar Tilawah al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan kerana kebanyakan pelajar tidak mempunyai asas langsung dalam Tilawah al-Quran, sebagai contohnya tidak mengenal huruf-huruf hija'iyyah, tidak dapat membezakan baris dan sebagainya menyebabkan guru terpaksa mengajar seorang demi seorang. Dalam keadaan kekangan masa yang sangat terhad, guru sudah tentu tidak dapat memberi tumpuan khusus untuk memperbaiki bacaan pelajar satu persatu. Pelajar juga tidak menguasai tulisan Jawi menyebabkan guru sukar untuk mengajar, sedangkan buku teks dan al-Quran dalam tulisan Jawi atau huruf-huruf hija'iyyah Arab. Keadaan ini juga ada kaitan dengan keadaan sebahagian pelajar mempunyai intelek yang sangat rendah.

Selain itu, kajian ini juga mendapati isu dan cabaran keempat yang dihadapi ialah guru tidak mempunyai bahan bantu mengajar dari sumber yang luas dalam pengajaran Tilawah al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan ini. Tidak banyak bahan-bahan pendidikan al-Quran dalam tulisan Braille yang boleh dijadikan rujukan.

Dapatkan juga mendapati isu dan cabaran kelima ialah ibubapa menyerahkan sepenuhnya tugas pengajaran kepada guru di sekolah tanpa pemantauan apabila berada di rumah. Ini menjadikan tugas guru Pendidikan Islam lebih sukar dan beban yang ditanggung lebih berat terutama dalam bidang Tilawah al-Quran. Kajian mendapati sekiranya para pelajar mendapat pengajaran tambahan selain di sekolah, akan membantu mereka lebih menguasai sesuatu bidang mata pelajaran (Saidi, 2006).

Selain daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh guru semasa pengajaran Tilawah al-Quran, dapatkan juga mendapati terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar bermasalah penglihatan sewaktu mempelajari Tilawah al-Quran iaitu pelajar tidak menguasai Jawi dan huruf-huruf hija'iyyah Arab, pelajar kurang mahir mengenal huruf-huruf al-Quran Braille, pelajar lambat mengikuti pengajaran guru, pelajar tiada asas al-Quran yang kukuh, pelajar rabun lebih lemah daripada pelajar buta kerana mereka sukar untuk mengenal dan membaca huruf-huruf dalam al-Quran apabila ia ditulis secara bersambung. Ini menyebabkan mereka merasa bosan dan tidak berminat untuk mempelajari al-Quran yang menyebabkan kebanyakan pelajar rabun tidak dapat membaca langsung al-Quran berbanding pelajar buta sepenuhnya. Ini juga adalah isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam di sekolah menengah pendidikan khas di Malaysia.

Faktor-faktor Penyumbang kepada Masalah yang dihadapi

Berdasarkan dapatan yang telah diperolehi, terdapat beberapa perkara yang menjadi punca kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran terhadap pelajar-pelajar khas bermasalah penglihatan.

Isu guru yang tidak mahir kod Braille al-Quran dilihat berpunca daripada latihan perguruan yang diterima sebelum ditempatkan untuk bertugas di sekolah khas. Ini kerana kesemua guru yang terlibat dengan pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah pendidikan khas masalah penglihatan hanya mengikuti latihan perguruan untuk bidang Pendidikan Islam dan tidak diberi pendedahan terhadap bidang Pendidikan Khas. Ini menyebabkan kebanyakan guru tidak mempunyai kemahiran menggunakan kod Braille untuk mengajar pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Mereka juga tidak didedahkan dengan jenis-jenis masalah penglihatan dan cara menanganinya menyebabkan para guru terpaksa berusaha mempelajari sendiri perkara-perkara tersebut setelah ditempatkan untuk mengajar di sekolah menengah Pendidikan Khas. Kursus-kursus peningkatan kemahiran dalam bidang pendidikan khas masalah penglihatan juga agak kurang, menyebabkan guru-guru yang mengajar Tilawah al-Quran kekurangan input peningkatan teknik pengajaran dalam bidang mereka. Hal ini memerlukan inisiatif sendiri daripada para guru agar mereka mempunyai maklumat kemahiran terkini dan terbaik untuk berhadapan dengan pelajar-pelajar bermasalah penglihatan ini. Oleh itu, penambahbaikan kepada sistem latihan perguruan perlu dilakukan bagi memastikan guru-guru Pendidikan Islam yang akan mengajar di sekolah Pendidikan Khas mendapat pendedahan awal tentang pelajar-pelajar yang akan dihadapi dan kaedah-kaedah menghadapi mereka dalam pengajaran.

Kekangan masa yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran dilihat berpunca daripada peruntukan masa mata pelajaran Pendidikan Islam peringkat menengah atas yang agak sedikit iaitu 3 waktu sahaja dan 1 waktu tambahan untuk pengukuhan. Masa yang sedikit ini pula digunakan untuk memberi penekanan kepada komponen-komponen yang terlibat dengan peperiksaan sahaja. Manakala kemahiran bacaan al-Quran tidak diberi tumpuan kerana tidak diuji dalam sistem peperiksaan kebangsaan. Dengan sebab itu, penambahan waktu untuk memperbaiki bacaan dan kemahiran al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan perlu diberi perhatian bagi meningkatkan penguasaan kemahiran mereka dalam Tilawah al-Quran. Kesuntukan masa ini juga memerlukan kepada guru yang lebih semasa pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran memandangkan guru terpaksa mengajar pelajar secara '*one to one*', maka guru yang lebih ramai dan pengecilan kumpulan pembelajaran adalah perlu bagi meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran pelajar bermasalah penglihatan dan isu kekangan masa ini.

Isu pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran bacaan al-Quran dilihat adalah berpunca dari penekanan pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi. Dapatan mendapati, pelajar-pelajar yang berasal dari Sekolah Rendah Princess Elizabeth, Johor Bahru mempunyai kemahiran asas bacaan al-Quran yang lebih baik berbanding pelajar-pelajar dari sekolah rendah yang lain. Ini kerana guru-guru di SR Princess Elizabeth mempunyai kemahiran menggunakan al-Quran Braille dan mempunyai teknik dan kemahiran pengajaran yang memberi penekanan yang lebih

kepada penguasaan bacaan al-Quran murid-muridnya. Justeru, penguasaan kemahiran bacaan al-Quran di peringkat menengah adalah rentetan daripada pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran (KBSR) di peringkat sekolah rendah lagi. Kelemahan yang berlaku di sekolah rendah dibawa ke sekolah menengah yang menyebangkan mereka terus tidak dapat menguasai kemahiran Tilawah al-Quran dengan baik. Maka, sistem pengajaran Tilawah al-Quran pada peringkat sekolah rendah perlu dipertingkatkan untuk mengatasi cabaran tersebut.

Isu guru Pendidikan Islam menghadapi masalah kekurangan bahan bantu mengajar dalam Tilawah al-Quran kerana kebanyakan bahan rujukan dalam tulisan Braille hanya didapati untuk matapelajaran lain, bagi mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya teks-teks al-Quran dan bahan rujukan tajwid tidak didapati dalam tulisan Braille. Cuma naskah al-Quran Braille yang bilangannya agak terhad sahaja digunakan oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah pendidikan khas ini. Buku teks Pendidikan Islam juga tidak ditulis dalam tulisan Braille berbanding buku teks mata pelajaran yang lain. Hal ini menyukarkan guru dan pelajar bermasalah penglihatan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran dalam kemampuan mereka yang sangat terbatas. Hal ini memerlukan kerjasama semua pihak dalam usaha memperbanyakkan bahan-bahan rujukan Tilawah al-Quran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya menggunakan kod Braille.

Perbincangan

Proses pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas dalam apa jua matapelajaran memerlukan perancangan yang teliti dan perhatian yang sewajarnya dari guru-guru yang terlibat. Pengetahuan guru mengenai ciri keperluan khas pelajar tidak dapat dinafikan keperluannya dalam membantu guru merancang dan melaksanakan sesi pengajaran (Wood J.W, 2002). Dengan sebab itu, bakal guru-guru Pendidikan Islam yang akan ditempatkan di sekolah pendidikan khas atau program integrasi pendidikan khas perlu diberi pendedahan asas tentang pendidikan khas semasa dalam latihan perguruan. Ini termasuklah memperkenalkan asas bacaan serta tulisan Braille khususnya al-Quran Braille untuk mengajar pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Sistem latihan perguruan perlu dicantumkan di antara Pendidikan Islam dengan Pendidikan Khas agar bakal guru mempunyai gambaran yang jelas tentang pelajar-pelajar yang akan mereka hadapi, tidak sebagaimana yang berlaku sekarang latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia khususnya mengasingkan di antara Pendidikan Islam dengan Pendidikan Khas. Guru-guru Pendidikan Islam hanya mempelajari tentang pedagogi Pendidikan Islam tetapi tidak ada pendedahan tentang Pendidikan Khas, manakala guru-guru Pendidikan Khas pula hanya mempelajari pedagogi untuk pelajar-pelajar khas dan tidak mempunyai asas yang kukuh untuk mengajar Pendidikan Islam. Apabila hal ini berlaku, akan terjadilah guru Pendidikan Islam tidak mempunyai kemahiran pedagogi untuk pelajar khas, dan guru khas tidak mempunyai asas pengetahuan tentang Pendidikan Islam yang sebenar. Ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias (2004) yang mendapati bahawa guru yang mengajar di pendidikan khas hanya 34.7% sahaja yang mempunyai pengetahuan tentang strategi pengajaran untuk pelajar-pelajar

berkeperluan khas dan hanya 17.4% sahaja yang mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang agama.

Al-Kilany (1986) menengaskan bahawa terdapat lima konsep penting yang patut diambil perhatian oleh setiap pendidik semasa memilih apa sahaja kaedah mengajar iaitu:

1. kaedah yang dipilih mesti sesuai dengan tujuan dan objektif pengajaran;
2. kaedah mestilah sesuai dengan ‘*nature*’ matapelajaran yang diajar;
3. kaedah yang digunakan mesti sepadan atau setara dengan umur pelajar;
4. guru pula harus mampu untuk menggunakan kaedah yang dipilih itu dan;
5. masa harus mencukupi bila menggunakan mana-mana kaedah.

Berdasarkan konsep yang terakhir, iaitu masa harus mencukupi, maka masa untuk pengajaran Tilawah al-Quran juga perlu diambil kira bagi memastikan pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran bacaan dengan baik. Sekiranya dalam seminggu hanya sekali sahaja pengajaran Tilawah al-Quran diajar dan pengajaran pula tidak menjurus kepada penambahbaikan bacaan, sebaliknya hanya memfokus kepada teori tajwid semata-mata, kurang penekanan kepada praktikal bacaan, bagaimana para pelajar dapat meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran mereka, sedangkan pengajaran dan pembelajaran tajwid adalah berbeza dengan pembelajaran ilmu lain. Pembelajaran ilmu tajwid tidak diajar semata-mata ilmu tajwid sebaliknya ia diajar selari dengan pembelajaran al-Quran. Menurut Muhammad (1995) pengajian al-Quran terdiri daripada tiga cabang pengajian iaitu tilawah (bacaan), hafalan, dan tajwid. Maka membaca al-Quran dan mempelajari tajwid merupakan aktiviti yang wajib dilakukan serentak. Dengan masa yang lebih banyak diperuntukkan, keberkesanannya pengajaran Tilawah al-Quran dapat ditingkatkan dan dengan sebab itu kemahiran bacaan pelajar juga dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik lagi.

Perbezaan kemampuan yang dimiliki oleh pelajar bermasalah penglihatan memerlukan kepada pengajaran yang diadaptasi dengan mengambil kira perbezaan berkenaan. (Rohaty, 2003). Pengajaran boleh diadaptasikan menurut jenis pelajar iaitu pelajar berbakat, terencat akal, cacat fizikal dan pelajar masalah komunikasi dan ketidakupayaan (Woolfolk, 1980). Guru yang berhadapan dengan pelajar buta sepenuh perlu membezakan kaedah pengajaran dengan pelajar yang rabun. Ini kerana guru perlu memahami ciri-ciri unik pelajar dan membuat akomodasi dan pembezaan kurikulum (Rohaty, 2003). Dengan sebab itu, maka perlunya kepada pengasingan di antara pelajar rabun dengan pelajar buta semasa pengajaran Tilawah al-Quran. Ini kerana pelajar buta perlu kepada penggunaan al-Quran Braille sepenuhnya untuk belajar, manakala pelajar rabun sebahagiannya menggunakan kanta pembesar dan sebahagiannya tidak memerlukan kanta. Mereka tidak memerlukan al-Quran Braille untuk tujuan tersebut, sedangkan kebanyakan pelajar rabun tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik berbanding pelajar buta kerana mereka tidak mampu mengenal huruf-huruf hija’iyyah apabila huruf-huruf tersebut disambungkan. Dengan sebab itu, sekiranya pengajaran dilaksanakan secara bercampur, kaedah pengajaran guru perlu difokuskan kepada dua cara dan dalam masa yang singkat sudah tentu perkara ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Al-Nashmy (1980) telah mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh membangkitkan atau merangsang minat pelajar supaya suka kepada pelajaran serta ingatannya kepada perkara yang dibincangkan itu boleh bertahan lama. Berdasarkan pendapat ini, maka penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik untuk pengajaran Tilawah al-Quran perlu diberi perhatian oleh para guru. Guru Pendidikan Islam di pendidikan khas harus bijak dan pandai memilih bahan-bahan yang sesuai dengan keadaan, masa, tempat, tahap kemampuan pelajar serta kemampuan guru sendiri. Dengan adanya kesesuaian ini, pengajaran dan pembelajaran akan lebih berkesan. Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, kini kaedah pembelajaran al-Quran dibantu dengan pelbagai media seperti media cetak, media komunikasi, laman web, dan cakera padat (Norasikin Fabil et. al, 2003). Justeru pengajaran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan juga boleh menggunakan pelbagai media tersebut sebagai sokongan dalam proses pembelajaran yang lebih berkesan di samping guru memainkan peranan utama bagi memastikan pengajaran yang berkesan terhadap pelajar-pelajarnya menggunakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* sebagaimana yang biasa digunakan dalam kaedah pengajaran al-Quran sejak lama dahulu.

Elemen persekitaran termasuklah pengurusan sekolah, rakan sebaya, dan peranan keluarga juga amat menyumbang dalam membantu pencapaian akademik pelajar (Ahmad Nawawi, 2003). Maka, ibu bapa perlu memainkan peranan dengan memberikan sokongan padu kepada anak-anak mereka yang bermasalah penglihatan dalam menguasai Tilawah al-Quran agar dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh pihak sekolah dalam memastikan semua pelajarnya dapat menguasai kemahiran bacaan al-Quran dengan baik.

Cadangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran Tilawah al-Quran terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Bagi memperkasa dan meningkatkan kualiti guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah menengah pendidikan khas masalah penglihatan, beberapa cadangan berikut diutarakan.

Pertama, guru Pendidikan Islam yang berkemahiran menggunakan al-Quran Braille dan kod Braille perlu ditingkatkan, sama ada dengan menggabungkan kursus perguruan Pendidikan Islam–Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan) di Institut Pendidikan Guru dan IPTA, serta memperbanyakkan kursus-kursus peningkatan kemahiran guru dalam bidang Pendidikan Khas – Pendidikan Islam yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Khas, Bahagian Pendidikan Islam, KPM, serta Unit Pendidikan Khas dan Sektor Pendidikan Islam dan Moral di negeri-negeri. Dengan adanya latihan dalam bidang pendidikan khas, guru-guru Pendidikan Islam akan dapat memenuhi keperluan pembelajaran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan di pendidikan khas.

Kedua, masa pengajaran al-Quran perlu ditambah agar penumpuan guru dapat diberi secara lebih berfokus terhadap Tilawah al-Quran. Ini boleh dilaksanakan dengan penambahan waktu dalam jadual atau di luar waktu pembelajaran dengan mengadakan kelas-kelas tambahan khusus untuk peningkatan kemahiran al-Quran di samping menyediakan guru-guru yang memang berkemahiran untuk mengajar pelajar bermasalah penglihatan.

Ketiga, penambahan guru khusus untuk mengajar al-Quran dengan meluaskan program j-QAF Pendidikan Khas terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Ini diharap mampu menangani masalah guru yang tidak mampu memberikan tumpuan secara khusus terhadap individu semasa pengajaran Tilawah al-Quran. Dengan pelaksanaan ini, maka pembelajaran ‘one to one’ dapat dilaksanakan kerana bilangan pelajar dalam sesuatu kelas dikecilkan dan guru bertambah dalam sesuatu sesi pengajaran. Penerusan j-QAF Pendidikan Khas boleh dikembangkan kepada pelajar bermasalah penglihatan di sekolah menengah bagi mengatasi masalah ini.

Keempat, pihak sekolah melakukan pengasingan di antara pelajar buta dengan pelajar rabun bagi memudahkan penumpuan dan perbezaan teknik pengajaran dilaksanakan terhadap kemampuan yang berbeza di antara pelajar.

Kelima, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu menyediakan dan memperbanyakkan bahan bantu mengajar seperti CD dan kaset yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar serta bahan-bahan rujukan tajwid dan al-Quran dalam tulisan Braille bagi menggalakkan pelajar melakukan rujukan sendiri dalam proses pembelajaran Tilawah al-Quran. Guru-guru juga boleh menggunakan modul pengajaran tajwid yang banyak terdapat di pasaran bagi menarik minat pelajar agar lebih berminat untuk mempelajari al-Quran. Penggunaan bahan multimedia ini akan lebih memudahkan pengajaran guru di samping dapat menarik minat pelajar untuk mempelajarinya dengan lebih berkesan.

Keenam, meningkatkan pengajaran Tilawah al-Quran di peringkat sekolah rendah lagi bagi memastikan murid-murid tersebut apabila memasuki peringkat sekolah menengah telah mempunyai kemahiran asas yang baik dalam Tilawah al-Quran sama ada dari aspek mengenal huruf, baris, dan juga bacaan. Ini akan memudahkan proses pengajaran Tilawah al-Quran terhadap pelajar-pelajar terbabit. Pelaksanaan j-QAF Pendidikan Khas untuk pelajar bermasalah pembelajaran boleh dikembangkan kepada pelajar bermasalah penglihatan bagi memastikan pelajar-pelajar bermasalah penglihatan dapat menguasai kemahiran membaca al-Quran dengan baik sebelum mereka masuk ke sekolah menengah.

Ketujuh, menyediakan peluang kepada pelajar-pelajar bermasalah penglihatan yang berkelayakan ke sekolah aliran agama agar mereka dapat bersama-sama mengikuti sistem pembelajaran agama yang lebih baik khususnya pembelajaran Tilawah al-Quran.

Kedelapan, masalah ibubapa yang menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pendidikan al-Quran anak-anak mereka kepada guru-guru dan pihak sekolah perlu ditangani dengan kerjasama daripada semua pihak. Ibubapa harus sedar bahawa waktu di sekolah sangat terhad dan singkat untuk pelajar menguasai semua perkara terutamanya berkaitan dengan Tilawah al-Quran yang memerlukan masa yang panjang. Justeru ibu bapa perlu memainkan peranan memberi galakan dan sokongan padu kepada anak-anak yang bermasalah penglihatan agar berusaha untuk menguasai bacaan al-Quran. Masyarakat awam dan NGO juga perlu bersama-sama memberi sokongan terhadap golongan ini dengan memperbanyakkan program-program kelas pengajian al-Quran untuk mereka dengan menyediakan bahan-bahan rujukan tambahan dan guru-guru yang berkemahiran dan mampu memenuhi kehendak mereka yang berbeza kemampuan fizikalnya berbanding pelajar tipikal.

Kesimpulan dan Penutup

Guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah pendidikan khas perlu mempunyai kemahiran dan menguasai sistem tulisan Braille, khususnya al-Quran Braille bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran terhadap pelajar bermasalah penglihatan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pihak yang bertanggungjawab perlu berusaha agar dapat melahirkan guru-guru Pendidikan Islam yang mantap dari sudut penguasaan ilmunya dan juga mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pedagogi untuk pelajar-pelajar bermasalah penglihatan.

Penambahan masa pembelajaran al-Quran serta keperluan tambahan guru al-Quran perlu diberi perhatian serius oleh pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan pengajaran Tilawah al-Quran dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dalam langkah pengajaran bagi memotivasiikan pelajar agar berminat dengan mata pelajaran Tilawah al-Quran diharap dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan. Keperluan memperbanyakkan bahan-bahan rujukan oleh pihak-pihak yang terlibat dan juga masyarakat awam yang boleh digunakan oleh pelajar bermasalah penglihatan dalam bidang al-Quran diharap dapat memperbaiki dan meningkatkan penguasaan mereka dalam bacaan al-Quran.

Penguasaan kemahiran al-Quran golongan bermasalah penglihatan perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak dalam usaha untuk melahirkan generasi yang celik al-Quran. Dalam kesibukan kita melihat kelemahan yang berlaku dalam kalangan pelajar tipikal, ramai yang sering terlupa terhadap golongan ini. Justeru, diharap dengan dapatan yang diperolehi dari kajian ini dapat membuka mata semua pihak yang bertanggungjawab bagi memikirkan dan melaksanakan satu tindakan segera dalam memperbaiki dan meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan al-Quran pelajar-pelajar bermasalah penglihatan di negara kita sama ada dari aspek latihan keguruan, pengubahsuaian masa pengajaran dan pembelajaran, penambahan guru al-Quran, penambahbaikan bahan-bahan rujukan al-Quran dalam tulisan Braille dan bahan-bahan bantu mengajar yang bersesuaian untuk golongan tersebut. Kita tidak ingin melahirkan pelajar khas yang hanya mampu mengurus diri, tetapi kosong dari sudut jiwanya kerana kesilapan masyarakat khususnya golongan agama yang tidak mengambil berat dan tidak memikirkan tentang keperluan dan kepentingan mereka untuk juga menguasai perkara tersebut. Semoga akan lahir ramai qari-qari yang terbilang dari golongan pelajar bermasalah penglihatan dengan adanya tumpuan masyarakat terhadap mereka.

Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady, (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah dan peranan pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam.
- Ahmad Nawawi Haji Yaakob, (2003). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah agama: Satu dapatan awal. *Wacana Pendidikan Islam (siri 3)* (pp. 316-325). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Kilany, Taisi & Mulhim Iyad. (1986). *Al-Tawjih al-Fannya fi Usul al-Tarbiyyah wa al-Tadrис*. Beirut: Maktabah Lubna.
- Al-Nashmy, Ajil Jasim Dr., (1980). *Maalim fi al-Tarbiyyah*. Al-Kwety: Maktabah al-Monar al-Islamiyah.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988), *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Abdul Razak & Zaib Ngah. (2002). Isu dan cabaran pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam (KBSM). *Wacana Pendidikan Islam (Siri 1)* (pp. 275-285). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Hanafi Mohd Yasin, Norani Mohd Salleh, Hasnah Toran & Mohd Mokhtar Tahar. (2009), Infrastruktur Bilik Darjah Program Integrasi Pendidikan Khas Menyokong Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat Nusantara)* (pp. 540-546). Gontor: Institusi Studi Islam Darussalam, Indonesia.
- Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias. (2004). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas. *Wacana Pendidikan Islam (siri 3)* (pp. 395-406). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali Bakar. (1991), *Seni Lagu al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000), *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Abdul Quddus Ahmad. (1995). *Cara baru mengajar Tajwid dan Hafalan al-Quran (Terj. Abdullah al-Qari Hj. Salleh)*. Kuala Lumpur: Darul Nu'ma.
- Nafishah Ab. Karim. (2000). *Kurikulum Orientasi dan Mobiliti Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan Universiti Malaya: Unpublished.
- Norasikin Fabil, Zawawi Ismail, Zarina Shukur, Siti Fadzillah Mat Noor & Khairuddin Omar. (2003). Teknologi Multimedia: Satu Inovasi pendekatan “Talaqqi dan Musyafahah”. *Wacana Pendidikan Islam (Siri 3)* (pp. 298-315). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaty Mohd Majzub. (2003), Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Wacana Pendidikan Islam (siri 3)* (pp. 292-297). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roshaida Yaacob. (2003/2004). *Al-Quran Braille, kaedah penerbitan dan sumbangannya kepada golongan cacat penglihatan: Kajian di Persatuan orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)*. Kertas Projek Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya: Unpublished.
- Saidi Mohd. (2006). *Keupayaan Bacaan al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu*. Tesis PhD Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Unpublished.
- Wood, J.W. (2002). *Adapting Instructions to Accommodate Students in Inclusive Setting*. USA: Merrill Prentice Hall.
- Woolfolk, A. (1980). *Educational Psychology*. USA: Allyn & Bacon.